

11/10/1997

MMA tidak ketinggalan sokong PM

KUALA LUMPUR, Jumaat - Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) turut menyertai pelbagai pihak dalam menyatakan sokongan padu ke atas kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

MMA dalam kenyataannya yakin kerjasama erat Perdana Menteri dan Timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim, dapat mengatasi krisis kewangan negara.

"Petunjuk taraf kesihatan bertambah baik dengan banyaknya sejak Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri. Ini menjadi bukti rekod cemerlang Dr Mahathir dalam pembangunan negara," kata Presiden MMA, Dr Milton Lum.

Dr Lum berkata, bidang perubatan berbangga dengan pencapaian Dr Mahathir dan menjadikan beliau sebagai contoh.

"Ketika negara menuju ke arah status negara maju, pelbagai rintangan dijangkakan, dan halangan yang sedang dihadapi ini dapat diatasi lebih cepat sekiranya rakyat Malaysia bersatu, rajin dan berjimat cermat, katanya.

Sementara itu, anggota Jawatankuasa Pusat parti Gerakan, Dr S Vijayarajam, berkata semua rakyat Malaysia perlu menyahut seruan Dr Mahathir untuk terus bersatu dan berdisiplin serta yakin terhadap kemampuan kerajaan menangani masalah sekarang.

"Mereka perlu ingat kerajaan hanya memikirkan kebajikan rakyatnya semata-mata, oleh itu kita mesti bekerjasama demi kebaikan kita sendiri," katanya.

Apa yang berlaku bukan kesalahan kerajaan tetapi disebabkan faktor manipulasi antarabangsa yang di luar kawalan sesiapa pun, katanya.

Katanya, keadaan kini hanya sementara dan Malaysia akan pulih kerana negara ini mempunyai dasar ekonomi kukuh, ditambah pula kestabilan kerajaan dan masyarakat perniagaan pintar.

(END)